

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 26 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, OGOS 2025

Indeks Nilai Seunit Eksport meningkat 1.0 peratus kepada 152.9 mata pada Ogos 2025.

PUTRAJAYA, 26 SEPTEMBER 2025 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Ogos 2025 terus mencatatkan peningkatan 1.0 peratus daripada 151.4 mata pada bulan sebelumnya kepada 152.9 mata. Sementara itu, indeks nilai seunit import menurun 0.2 peratus daripada 125.0 mata kepada 124.8 mata. Walau bagaimanapun, terma perdagangan Malaysia bertumbuh 1.2 peratus bulan ke bulan daripada 121.1 mata kepada 122.5 mata pada Ogos 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), OGOS 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport meningkat 1.0 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.4%), minyak galian (+0.9%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.6%). Namun begitu, indeks volum eksport jatuh 6.9 peratus selaras dengan penurunan dalam indeks barang-barang keluaran kilang (-12.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-11.5%) dan makanan (-7.4%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim juga turut jatuh 6.9 peratus daripada 174.9 mata kepada 162.8 mata. Merujuk kepada

perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport meningkat 1.7 peratus dan 1.2 peratus.

Indeks nilai seunit import merosot 0.2 peratus pada Ogos 2025, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-1.2%), bahan kimia (-0.4%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.3%). Tambahan pula, indeks volum import juga turut jatuh 7.8 peratus pada Ogos 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak galian (-16.4%), pelbagai barang keluaran kilang (-9.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim juga turut berkurang 7.2 peratus daripada 221.8 mata kepada 205.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum import menurun 3.7 peratus dan 2.3 peratus.


Terma perdagangan Malaysia meningkat 1.2 peratus bulan ke bulan kepada 122.5 mata pada Ogos 2025, didorong oleh peningkatan dalam indeks minyak galian (+2.1%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+1.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%). Tambahan pula, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.6 peratus daripada 116.0 mata pada Ogos tahun lalu.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2023 – Ogos 2025**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

26 SEPTEMBER 2025